

21 NOV 1999

Mahathir-Muslimat

WANITA PAS WAJAR UNDI BN ELAK DISKRIMINASI, KATA DR MAHATHIR

PENDANG, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan anggota wanita PAS supaya mengundi Barisan Nasional pada pilihan raya umum 29 Nov ini agar mereka tidak terus dihina pucuk pimpinan parti mereka sekarang.

"Muslimat PAS harus sedar bahawa mereka selama ini dihina. Nabi pun tidak pernah berbuat demikian (terhadap wanita)," katanya di majlis perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata BN sedia menerima sesiapa sahaja, walaupun wanita yang cantik untuk bekerja asalkan berpendidikan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Mursyidul Am PAS pernah mengeluarkan kenyataan melarang wanita cantik bekerja di negeri itu.

Dr Mahathir berkata bahawa jika diikutkan ajaran Islam PAS, kaum wanita dalam parti itu mungkin tidak dibenarkan berkempen dalam pilihan raya.

Beliau juga berkata bahawa PAS akan terus berbohong kepada rakyat dalam kempennya kerana menyedari perbuatan itu cepat dilupakan.

"Inilah kelebihan PAS. Mereka akan terus berbohong kerana mereka tahu kalau berbohong hari ini, anggotanya akan lupa lima hari kemudiannya," katanya.

Contohnya, kata Perdana Menteri, PAS berbohong kepada rakyat satu masa dahulu bahawa bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak baik tetapi hari ini berbohong lagi bila sanggup menyokong Anwar dan mengatakan kerajaan zalim.

"Mereka sokong Anwar hingga sanggup melantiknya menjadi Perdana Menteri. Ini semua untuk kepentingan politik," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya terus mengekalkan kerajaan BN bagi menjamin pembangunan dan kemerdekaan negara ini.

Yang turut hadir di majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mod Ali dan calon BN bagi kerusi Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul.

-- BERNAMA

MAN MFJ MAI